

13/03/2004

Muka baru ganti pemimpin kanan

KUALA LUMPUR: Hampir semua muka baru dicalonkan Barisan Nasional (BN) bagi mengisi kerusi yang dikosongkan bekas pemimpin tertinggi parti, termasuk di Parlimen Kubang Pasu yang diwakili Tun Dr Mahathir Mohamad selama enam penggal.

Datuk Johari Baharom - Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, diberi penghormatan untuk bertanding di Kubang Pasu pada pilihan raya umum 21 Mac ini.

Johari yang juga Ketua Penaja Umno Bahagian Kubang Pasu, akan berhadapan dengan Dr Abdul Isa Ismail juga muka baru yang mewakili Pas.

Kerusi Parlimen Merbok yang disandang bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin pula akan ditandingi oleh Penasihat Media di Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin,

Bekas Timbalan Menteri Penerangan itu akan berhadapan dengan Saiful Izham Ramli juga muka baru dari Keadilan.

Tempat bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba di Parlimen Bukit Katil, Melaka (dulu Batu Berendam) juga digantikan dengan muka baru, Datuk Prof Dr Mohd Ryddin Abdul Ghani.

Seorang lagi muka baru, Nawawi Ahmad, mengambil tempat bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuah. Nawawi akan berhadapan dengan Mazlan Ahmad juga muka baru dari Pas.

Bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, juga tidak akan mempertahankan kerusi Parlimen Labis di Johor dan tempatnya diganti oleh Pengerusi MCA Johor, Datuk Dr Chua Soi Lek, yang juga bekas Exco Pelancongan dan Alam Sekitar negeri.

Di Sarawak, bekas Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Amar Leo Moggie yang membuat keputusan untuk tidak bertanding kali, melepaskan kerusi Parlimen Kanowit kepada Aaron Ago Dagang.

Dua lagi tokoh Sarawak turut mengumumkan persaraan mereka dari politik, iaitu penyandang kerusi Parlimen Kuala Rajang yang juga Menteri Tugas-Tugas Khas, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi dan bekas Menteri Pertanian, Tan Sri Dr Sulaiman Daud bagi Parlimen Petra Jaya.

Calon pengganti Effendi di Kuala Rajang ialah Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi Negeri, Datuk Wahab Dolah, yang juga Adun Mato Daro, manakala Exco Pemuda Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Fadilah Yusuf, menggantikan Sulaiman di Petrajaya.